

UMNO Perak bangga dengan perlantikan Dr. Mahathir

IPOH, Jumaat — Perlantikan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat membanggakan UMNO dan Barisan Nasional Perak.

Ini ialah kerana Datuk Seri Dr. Mahathir juga Ketua UMNO dan BN Perak dan perlantikan beliau itu adalah dialu-alukan, kata Menteri Besar Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh di sini hari ini.

Menteri Besar yang pulang dari lawatan dua minggu ke luar negeri malam tadi berkata, beliau bagi pihak Kerajaan Negeri mendoakan agar rakyat berbilang bangsa di negara akan terus maju, aman dan makmur.

Beliau bagi pihak UMNO dan parti-parti komponen BN Perak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada

Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Siti Hasmah.

Katanya, rakyat walau apa keturunan sekalipun tidak perlu bimbang dengan kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir kerana apa juga dasar yang akan dilaksanakan sudah pasti untuk kemajuan negara.

Sokongan

Datuk Seri Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin yang dedikasi dan kepimpinannya tidak perlu dipersoalkan, tambah.

Menteri Besar yang juga Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Perak berkata mereka akan memberi sokongan dan kerjasama yang tidak berbelah bagi dalam usaha Perdana Men-

teri baru itu menstabilkan politik tanahair.

Beliau menyeru pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional berusaha lebih gigit membantu melaksanakan tugas-tugas Datuk Seri Dr. Mahathir yang mungkin lebih bertambah dengan jawatan baru yang disandang itu.

Sementara itu, beberapa tokoh UMNO ketika ditemui turut mengalu-alukan perlantikan Datuk Seri Dr. Mahathir.

Ketua Wanita UMNO Perak, Toh Bijayawati Onn Zariah binte Abu Bakar berharap wanita akan terus diberi kesempatan menyumbangkan tenaga, peranan dan khidmat bakti mereka dibawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir.